

02/02/2002

160,000 penduduk menjelang 2005

PUTRAJAYA, Jumaat - Sejumlah 5,295 unit kediaman di sini sudah siap dibina manakala 10,736 unit lagi dalam pembinaan, kata Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Beliau berkata, bilangan unit kediaman akan meningkat kepada 35,957 menjelang akhir 2005 dengan penduduknya dijangka bertambah daripada kira-kira 20,000 orang sekarang kepada 160,000.

"Mulai sekarang dengan bertambahnya bilangan penduduk, Putrajaya akan dapat menarik lebih ramai lagi peniaga menetap dan meluaskan pelbagai perniagaan di bandar ini," katanya pada majlis pelancaran ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut merasmikan Souq (Bazar) yang terletak bersebelahan Masjid Putrajaya yang menjual pelbagai hasil kraftangan. Tempat itu juga menyediakan gerai minuman dan makanan.

Pelbagai acara diatur sempena perayaan itu. Esok diadakan perlumbaan kayak/kenu serta mendayung dan pertunjukan pesawat ultra ringan Amfibia. Malam esok pula diadakan persembahan kebudayaan, artis dan bunga api di Sekolah Menengah Putrajaya Satu.

Antara artis yang mengambil bahagian ialah Yassin, kumpulan Rabbani, Camelia, Candy Cheah dan Ganesh Selvaraj. Pada Ahad pula diadakan pertandingan memancing.

Azizan berkata, setakat ini pembinaan prasarana termasuk jalan raya dan jambatan, sistem bekalan air, elektrik, komunikasi dan pembentungan sudah mencapai tahap yang membolehkan kerja-kerja pembangunan seterusnya di seluruh Putrajaya.

Katanya, pada masa ini lebih 500 projek sedang diusahakan serentak di Putrajaya.

"Kerja membina pejabat kerajaan berjalan lancar dan setakat ini seluas 10,108,248 kaki persegi ruang pejabat sudah siap dibina manakala 16,284,785 kaki persegi ruang pejabat lagi dalam pembinaan.

"Hingga akhir bulan lalu, enam kementerian merangkumi 19 jabatan sudah berpindah ke Putrajaya dan mengikut jadual perancangan yang dipercepatkan, proses pemindahan semua kementerian yang dirancang berpindah ke Putrajaya akan selesai pada penghujung 2005," katanya.

Beliau berkata, di antara matlamat utama Putrajaya ditubuhkan ialah untuk menyediakan suasana hidup berkualiti kepada penduduknya.

Bagi tujuan itu katanya, pelbagai kemudahan disediakan termasuk taman, surau, pasar, dewan serbaguna, medan selera dan kemudahan rekreasi. Baru-baru ini sebuah kelab sukan air siap dibina dan akan dibuka kepada orang ramai tidak lama lagi.

Katanya, tiga taman yang menarik sudah dibuka bagi kegunaan orang ramai iaitu Taman Wetland yang menjadi tumpuan pelawat ke Putrajaya, Taman Botani dan Taman Putera Perdana.

Dua lagi taman iaitu Taman Warisan Pertanian dan Taman Wawasan akan siap dalam tahun ini.

(END)